

108

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10663

SOALAN:

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah statistik kes jenayah yang
dilakukan oleh warga asing di negara ini dari tahun 2013 hingga 2017
dan apakah langkah yang diambil bagi membendung jenayah yang
melibatkan warga asing ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberikan perhatian yang khusus terhadap penglibatan warga asing dalam aktiviti-aktiviti jenayah sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan. Di samping itu, kedatangan warga asing turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial terutama kes yang berunsurkan maksiat, perjudian, penyalahgunaan dadah dan kes sosial yang lain.

Statistik Jenayah Indeks melibatkan warga asing bagi tahun 2013 adalah sebanyak 5,470 kes jenayah kekerasan dan 13,585 jenayah harta benda. Pada tahun 2014, sebanyak 5,300 kes melibatkan jenayah kekerasan dan sebanyak 13,151 melibatkan jenayah harta benda. Pada tahun 2015, sebanyak 4,376 kes jenayah kekerasan dan sebanyak 11,457 kes melibatkan jenayah harta benda. Pada tahun 2016 pula, sebanyak 3,687 kes melibatkan jenayah kekerasan dan sebanyak 9,423 kes melibatkan jenayah harta benda. Manakala pada tahun 2017, sebanyak 3,112 kes jenayah kekerasan dan sebanyak 8,329 kes melibatkan jenayah harta benda.

Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak polis dalam membendung kegiatan jenayah melibatkan warga asing adalah seperti berikut:-

- 110
- i) Mengadakan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Imigresen, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
 - ii) Meningkatkan operasi secara besar-besaran untuk membanteras kegiatan jenayah di kawasan tumpuan dan juga di tempat-tempat penginapan dan kongsi-kongsi warga asing;
 - iii) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime (UAC)* bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah; dan
 - iv) Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan menjalankan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat untuk menangani masalah jenayah.

Pada masa yang sama, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) juga sentiasa berusaha mengekang kemasukan warga asing yang berisiko dan boleh memberikan ancaman kepada negara ini dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- a) Menjalankan tapisan awal melalui proses pengeluaran visa di kedutaan/ pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana semakan profil pelawat akan dibuat untuk mengenal pasti sama

ada warga asing berkenaan termasuk dalam senarai syak (SL) Jabatan. Sekiranya nama mereka berada dalam senarai syak tersebut, individu ini tidak akan dikeluarkan dengan visa untuk datang ke Malaysia;

- b) Membuat kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara meliputi pemeriksaan ke atas ketulenan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara, pengesahan identiti secara fizikal dan juga semakan kepada pangkalan data senarai syak Jabatan;
- c) Menggunapakai Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (*National Enforcement Registration System* atau NERS) yang berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS;
- d) Penggunaan *autogate* bagi kemasukan warganegara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan yang pantas dan efisien selain dapat menjamin keselamatan dokumen di samping memelihara identiti warganegara melalui pengecaman cap jari biometrik. Ia seterusnya dapat membantu dan memberi peluang kepada pegawai imigresen untuk memberikan lebih perhatian kepada pemeriksaan pelawat asing berisiko tinggi di pintu-pintu masuk negara; dan

- e) **JIM juga sentiasa mengemaskini data yang diterima dari pihak PDRM yang menyumbang data-data warga asing yang dikenalpasti sebagai ancaman dan mempunyai rekod jenayah ke dalam senarai syak sistem (SL).**